

CNS7554

U 66 06-02 00165 BH488

Bah

Mahathir - Pentadbiran

KERAJAAN AKAN KAJI SEMULA PERKHIDMATAN NEGARI

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed hari ini berkata sistem pentadbiran kerajaan negeri akan dikaji semula bagi melicinkan lagi jentera pentadbiran kerajaan negeri.

"Ade beberapa perkara yang melibatkan kerajaan negeri yang akan kita kaji kerana kita berpendapat bahawa untuk lebih pertadbiran perubahan-perubahan perlu dibuat," katanya pada persidangan akhbar selepas memperkerusi Majlis Tertinggi UMNO di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada kerajaan akan meletakkan suruhanjaya perkhidmatan negeri Johor, Kelantan, Terengganu dan Kedah di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Saranan itu dibuat oleh anggota perlimen Anau Encik Shahidan Kassim ketika membahaskan rang undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1993 pada 19 Jan lepas bagi menyatakan bantahan terhadap tindakan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor Datuk Rahim Ramli, yang dikatakan membelakangkan Menteri Besar.

Kerajaan Pusat tidak mengambil tindakan terhadap Rahim kerana beliau bertekad kepada suruhanjaya perkhidmatan negeri. -- Lagi

▼06/02/17-38MST

U 66 06-02 00082 BH489

Bah

Mahathir - Pentadbiran 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Serji Abdul Hamid ketika mengulas cadangan Shahidan, menyokong saranan itu dan menyifatkannya idea yang baik.

Mengetuai laporan yang menyatakan Putera Norodom Sihanouk tidak bersetuju Kemboja menganggotai Asean, Dr Mahathir berkata itu hak mereka.

Ketika menyatakan bantahannya, Sihanouk, yang memimpin Majlis Tertinggi Kebangsaan, secara tidak langsung turut menuduh negara-negara Asean tertentu sebagai bertindak bertentangan dengan kepentingan Kemboja. -- Bernama!

▼06/02/17-38MST